

29 MAY 1997

Gas-Kelantan

KELANTAN TERLEPAS PELUANG MENDARATKAN GAS KERANA POLITIK

KOTA BAHARU, 29 Mei (Bernama) -- Kelantan telah terlepas peluang mendaratkan gas dari sumber luar pantai pada peringkat awal dahulu akibat pertelagahan politik yang tidak berkesudahan di negeri ini, kata Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KUB Malaysia Berhad, Datuk Hassan Harun.

Keadaan ini memaksa gas dari kawasan Pihak Berkuasa Pembangunan Bersama (JDA) Malaysia-Thailand dihantar ke Thailand yang terus meminggirkan Kelantan daripada nikmat pembangunan ekonomi berdasarkan pembangunan gas, katanya ketika bercakap dalam satu seminar di sini malam ini.

Hassan berkata hampir semua negeri di Semenanjung disalurkan gas, kecuali Kelantan.

Gas merupakan bahan api atau pembakar yang paling murah dan bersih untuk kegunaan industri yang akan meningkatkan daya saing industri di negeri ini, katanya.

Mengenai projek petrokimia usahasama KUB dan Keloil, anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, untuk memajukan sebuah kompleks petrokimia di Kelantan, Hassan berkata projek itu juga terheret dalam kancah politik.

Perjanjian projek usahasama 50/50 itu ditandatangani di sini 4 April lepas dan disaksikan bersama oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Hassan berkata bagaimanapun usahasama KUB-Keloil di Pantai Senok itu akan membangunkan industri petrokimia di negeri ini dengan mendaratkan gas dari luar pantai Kelantan sebagai pemankin kepada ekonomi negeri yang kini di antara yang terendah di Malaysia dari segi per kapita Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beliau berharap isu tanah tidak dipolitikkan memandangkan untuk menjayakan pendaratan gas, KUB memerlukan hampir 2,025 hektar tanah untuk pembinaan infrastruktur asas.

" Dengan kaedah 50/50, tiada pihak, PAS atau Umno dapat mempolitikkan projek ini dengan isu tanah. Jika Keloil yang mewakili kerajaan Kelantan mendapat 51 peratus, PAS boleh mendakwa bahawa merekalah yang membawa kejayaan projek itu. Sebaliknya jika kepentingan Keloil hanya 49 peratus, PAS boleh mendakwa bahawa mereka terpaksa bersetuju dengan pengambilan tanah oleh KUB," kata beliau.

Tetapi formula 50/50 akan memastikan kejayaan projek itu melalui muafakat dalam semua hal.

Seminar mengenai peranan swasta dalam pembangunan ekonomi Kelantan itu anjuran Institut Kajian Strategik Negeri Kelantan dihadiri kira-kira 500 peserta.

Hassan berkata pertambahan nilai dapat dilakukan daripada gas asli sebagai bahan mentah kepada beberapa produk hiliran melalui projek usahasama itu.

Pada peringkat awal, dengan satu tren loji pemerosesan gas yang menggunakan 250 juta kaki padu gas, berbagai-bagai produk yang dihasilkan mempunyai nilai RM1,230 juta, satu pertambahan melebihi dari nilai asal RM500 juta.

Oleh itu, projek berkenaan dijangka memberi sumbangan besar kepada KDNK negeri Kelantan pada awal kurun ke-21.

Katanya, faedah kepada negara akibat projek itu termasuk jaminan stabiliti bekalan gas bagi penjana kuasa dan kegunaan industri dengan melengkapkan lingkaran paip gas ke seluruh Semenanjung.

Pada masa ini, sebarang malapetaka pada sistem Penggunaan Gas Semenanjung akan menggelapkan negara untuk beberapa hari kerana laluan alternatif tidak ada bagi penyaluran gas, kecuali lingkaran sekarang dilengkapi dengan sambungan dari kompleks di Kelantan.

" Pada masa hadapan pula, infrastruktur pendaratan gas di Kelantan boleh dijadikan asas sistem trans-Asean yang menghubungkan seluruh Asean dengan telaga-telaga minyak dan gas yang begitu berhasil," katanya.

Hassan juga berkata selain pertelagahan politik, yang harus diredakan adalah pengambilan tanah yang harus bebas daripada dipolitikkan.

Pemilik tanah pula haruslah memikirkan masa depan negeri dan rakyat jika pembangunan industri itu memerlukan tanah mereka.

" Jika peluang sekarang ini terlepas, Kelantan tidak akan dapat membangunkan industri gas kerana segala-galanya akan disalurkan ke Kertih atau Songkhla," katanya.

-- BERNAMA

AU AHH